

PRAKTIS DAN KEKANGAN PENGURUSAN PILIHAN RAYA ERA PANDEMIK DI MALAYSIA

**Norhayati Rafida Abdul Rahim, Nik Azmi Nik Omar,
Norazam Mohd Noor, Safiyah Ahmad Sabri, Nur Izzati
Nadia Mohd. Dzolkifli, Norailis Ab Wahab**

ABSTRACT

While Malaysia is still struggling to deal with the impact of the C-19 outbreak, the country continues to be tested by the conduct of elections in this challenging scenario. Three series of elections are conducted, namely the Chini by-election (PRK), Pahang (4th July 2020), Slim by-election, Perak (29th August 2020), and the Sabah State Election (PRN) (26th September 2020). It is indeed a concern for Malaysians because it involves the movement of politicians, political supporters, and the voters themselves for each election activity on the premises for the specified period. Furthermore, the national vaccination process only begins on 24th February 2021. How are elections managed in a pandemic era in Malaysia? What are the practices and constraints faced when elections are conducted? Therefore, this article identifies the practices and constraints of election management using a qualitative approach. Eight officials are interviewed using semi-structured questions representing agencies directly involved with the Election Commission. Interview findings indicate a majority emphasis on practices, both in terms of strengths and weaknesses. Nevertheless, the TOWS analysis provides opportunity findings for improvements in scope, cost and risk assessment elements. Therefore, recommendations to future studies may examine the detailed aspects of risk assessment in more depth.

Keywords: *practice, constraints, election, pandemic, COVID-19*

ABSTRAK

Ketika Malaysia masih lagi bergelut untuk menangani impak penularan COVID-19, negara ini terus diuji dengan pelaksanaan pilihan raya dalam senario mencabar ini. Sebanyak tiga siri pilihan raya dijalankan, iaitu Pilihan Raya Kecil (PRK) Chini, Pahang (4 Julai 2020), PRK Slim, Perak (29 Ogos 2020), dan Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah (26 September 2020). Hal ini sememangnya menimbulkan keresahan rakyat kerana melibatkan pergerakan para petugas, calon dan penyokong politik, serta pengundi sendiri bagi setiap aktiviti pilihan raya pada premis dan tempoh yang ditetapkan. Tambahan pula, urusan vaksinasi nasional hanya bermula pada 24 Februari 2021. Bagaimanakah pilihan raya diuruskan dalam era pandemik di Malaysia? Apakah praktis dan kekangan yang dihadapi ketika pilihan raya dijalankan? Oleh itu, artikel ini mengenal pasti praktis dan kekangan pengurusan pilihan raya menggunakan pendekatan kualitatif. Seramai lapan orang pegawai ditemu bual menggunakan soalan semi struktur mewakili agensi yang terlibat secara langsung dengan Suruhanjaya Pilihan Raya. Dapatan temu bual menunjukkan penekanan yang majoriti pada amalan, baik dari segi kekuatan dan kelemahan. Namun begitu, analisis TOWS memberikan dapatan peluang sebagai penambahbaikan kepada elemen skop, kos dan penilaian risiko. Oleh itu, cadangan kepada kajian lanjut pada masa akan datang boleh melihat kepada aspek terperinci kepada penilaian risiko secara lebih mendalam.

Kata Kunci: *paraktis, kekangan, pilihan raya, pandemic, COVID-19*

1. PENDAHULUAN

Penularan pandemik *Coronavirus* (COVID-19) di seluruh dunia memberi kesan terhadap kehidupan seharian sejagat, termasuklah di Malaysia. Sebagai usaha membendung penularan pandemik ini, Kerajaan Malaysia pada 16 Mac 2020 mengumumkan perintah “kuarantin” secara besar-besaran di seluruh negara bagi menangani penularan pandemik COVID-19. Perintah ini dikenali sebagai Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac

2020 hingga 12 Mei 2020 melibatkan empat fasa pelaksanaan, iaitu Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) iaitu dari 13 Mei 2020 hingga 9 Jun 2020 (melibatkan satu fasa pelaksanaan), dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dari 10 Jun 2020 hingga 31 Disember 2020 (melibatkan dua fasa pelaksanaan). Manakala, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD) dan PKPB turut dijalankan secara spesifik di beberapa lokaliti, daerah dan negeri bagi membendung penularan pandemik ini.

Electoral Security Framework yang dikeluarkan oleh United States Agency for International Development (USAID) pada 2010 telah mendefinisikan keselamatan pilihan raya sebagai perlindungan ke atas individu dan aktiviti yang terlibat dalam keseluruhan proses pilihan raya seperti pemegang taruh, maklumat pilihan raya, kemudahan yang digunakan dalam pilihan raya dan peristiwa yang berlaku dalam proses pilihan raya. Namun begitu, penumpuan garis panduan ini hanyalah kepada risiko-risiko yang mempengaruhi pengurusan keselamatan dalam pilihan raya seperti kompetensi anggota keselamatan, jenis rejim pemerintah, kestabilan ekonomi, kepelbagaian etnik, agama dan taraf hidup, fungsian dan keberkesanan pentadbiran sesebuah kerajaan serta ketelusan pengendalian pilihan raya sahaja. Fokus ini masih lagi meminggirkan elemen risiko penularan wabak penyakit sebagai aspek penting yang berupaya menjejaskan kualiti pengurusan keselamatan dalam pilihan raya.

Justeru, pengalaman Malaysia menjalankan Pilihan Raya Kecil (PRK) Chini, Pahang dan Slim, Perak serta Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah pada tahun 2020 ketika negara berhadapan dengan situasi pandemik COVID-19 merupakan asas penting dalam menentukan aspek-aspek keselamatan dan pencegahan penularan yang sesuai untuk dikekalkan serta ditambah baik pada masa hadapan. Malah, pengalaman ini juga sekurang-kurangnya dapat digunakan sebagai antara sumber rujukan utama sebagai usaha untuk menilai semula perundangan, prosedur dan logistik berkaitan pengurusan keselamatan dalam pilihan raya, setidak-tidaknya dalam konteks Malaysia.

2. SOROTAN LITERATUR

Kelancaran kawalan keselamatan bagi pilihan raya tertentu adalah bergantung kepada faktor-faktor lain. Seperti yang dinyatakan oleh Norazam (2021), terdapat empat risiko bagi kawalan keselamatan. Elemen ini melibatkan kualiti kawalan keselamatan yang diberikan oleh pihak berautoriti dalam pilihan raya. Antara risiko kawalan keselamatan yang dimaksudkan termasuklah risiko politik ekonomi, sosial, institusi negara, dan proses spesifik pilihan raya. Norazam (2021) turut menyatakan bahawa perkara yang diperlukan bagi mengurangkan berlakunya risiko ialah menggariskan praktis amalan terbaik yang dapat dibahagikan kepada fasa pra, semasa dan pasca pilihan raya (USAID, 2013).

Merujuk Fischer (2002), keselamatan pilihan raya ialah proses melindungi pemegang taruh pilihan raya seperti pengundi, calon, pengundian, petugas pilihan raya, media, dan pemerhati; maklumat pilihan raya seperti hasil undian, data pendaftaran pemilih, dan bahan kempen; kemudahan pilihan raya seperti tempat mengundi dan pusat pengiraan; dan peristiwa pilihan raya seperti kempen, proses pengundian, serta pengumuman keputusan pilihan raya.

Secara amnya, keselamatan pilihan raya mencipta ruang yang aman dan selamat kepada masyarakat untuk mengambil bahagian tanpa bimbang sebelum, semasa dan selepas pilihan raya dijalankan (UNOWA, 2009). Objektif keselamatan pilihan raya, walau bagaimanapun, adalah untuk keselamatan bangunan dan material, keselamatan personel seperti pengundi, calon, wakil parti politik dan badan pengurusan pilihan raya. (International Institute for Democracy and Electoral Assistance (IDEA), 2016).

Berdasarkan perspektif umum United States Agency for International Development (USAID) (2010), terdapat empat kategori keselamatan pilihan raya iaitu keselamatan fizikal, keselamatan maklumat, dan keselamatan peristiwa. Keselamatan fizikal meliputi keselamatan bangunan dan harta benda, pejabat

pilihan raya negeri dan pejabat-pejabat pengurusan pilihan raya di daerah, lokasi pendaftaran dan pengundian, pejabat-pejabat parti politik, pejabat pemerhati pilihan raya, dan pihak media. Kemudahan lain juga termasuk kediaman pihak berkuasa pilihan raya atau calon, serta hotel yang sering dikunjungi oleh pelancong luar negara, wartawan, atau pemerhati.

PRAKTIS DAN KEKANGAN

“Praktis terbaik” dapat didefinisikan sebagai proses, program, atau kaedah yang memberikan hasil seperti yang diukur oleh satu set objektif. Dalam konteks keselamatan pilihan raya, “praktis terbaik” boleh didefinisikan sebagai polisi, praktis, atau program pemulihan; yang telah menunjukkan hasil-hasil yang telah diukur untuk mengelakkan konflik pilihan raya, pengurusan, atau pengantaraan. Praktis-praktis terbaik biasanya dilaksanakan berkenaan (1) fasa pilihan raya; (2) pusat-pusat mengundi; dan (3) polisi, amalan, atau aktiviti program yang dianjurkan oleh pemegang taruh dari dalam dan luar negeri.

Pandemik ini sangat mencabar bagi sesebuah pelaksanaan pilihan raya yang secara tidak langsung memerlukan cara yang baharu tentang pengurusan pelaksanaannya. Ancaman keselamatan kesihatan awam apabila dikaitkan dengan pilihan raya berlaku apabila pengundi perlu mengundi sendiri di tempat mengundi yang biasanya dilakukan dalam tempoh satu hari. Pengundi yang terpaksa pergi ke tempat mengundi perlu berkongsi bahan mengundi yang telah disentuh oleh orang lain. Berbeza dalam keadaan normal, ia menjadi satu perkara yang sangat mencabar dan sukar dilakukan ketika pandemik, yang boleh mengancam pengundi khususnya dan juga kesihatan awam. Kehadiran pengundi secara fizikal di pusat mengundi yang menjadi salah satu syarat mengundi serta petugas di pusat pengundi boleh meningkatkan risiko kesihatan dan seterusnya menjadi penyebab kepada penyebaran wabak COVID-19 secara meluas.

Kemunculan wabak COVID-19 yang menggerunkan ini telah menimbulkan cabaran-cabaran yang tidak pernah dijangkakan dan dihadapi oleh mana-mana pemimpin politik di seluruh dunia. Sebilangan besar pakar kesihatan awam bersetuju mengenai pentingnya langkah-langkah berjaga-jaga seperti kawalan pergerakan untuk memperlahankan penyebaran virus, meringankan beban sistem penjagaan kesihatan dan akhirnya menyelamatkan nyawa (de Figueiredo et al., 2020). Namun, terdapat pelbagai ketetapan yang telah diberikan oleh kerajaan. Ketika wabak sedang merebak dengan cepat dan pantas, wujud beberapa faktor lain telah ditunjukkan menjadi penyumbang yang berpotensi (Frey et al., 2020). Secara lebih tepat, langkah-langkah kawalan telah terbukti membahayakan ekonomi (Pew, 2020) dan membebankan seluruh penduduk (Galasso, 2020). Dalam senario ini, pemimpin-pemimpin yang telah dipilih perlu selalu bertukar pandangan dan nasihat daripada pakar-pakar supaya sesuai dengan kehendak pengundi yang mana akhirnya pengundi juga yang akan menilai prestasi mereka.

Ketika memutuskan sama ada pilihan raya perlu dilaksanakan atau tidak ketika pandemik, badan bertanggungjawab perlu terlebih dahulu menentukan (dan bagaimana) meminimumkan risiko-risiko yang terdedah kepada pengundi-pengundi, para petugas dan orang ramai. Beberapa langkah keselamatan boleh diperkenalkan bagi mengurangkan risiko penularan wabak di pusat-pusat mengundi. Ini termasuk penggunaan bahan-bahan pelindung secara individu (seperti penutup muka, sarung tangan, cermin mata, pelindung muka, apron), barangan keselamatan (pengadang cermin, kepungan dan papan tanda bagi memastikan penjarakan bagi setiap langkah proses ketika mengundi) dan langkah-langkah keselamatan yang lain, kebersihan dan langkah pematuhan (bermula daripada penggunaan pembasmi kuman, pemeriksaan suhu dan mengekalkan penjarakan sosial di antara satu sama lain, mensanitasi tangan dan mengelakkan atau menghadkan penggunaan barangan yang telah disentuh oleh orang lain.

Kemudian, badan pembuat keputusan perlu menentukan keseluruhan kebolehlaksanaan pilihan mengadakan pilihan raya di bawah kawalan yang ketat akibat daripada berlakunya pandemik. Selepas itu, pembuat keputusan harus yakin dan pasti bahawa pilihan raya boleh diuruskan secara efektif tanpa mengetepikan faktor keselamatan awam atau menjejaskan prinsip-prinsip dan norma demokrasi yang asas. Seperti disebutkan di atas, ancaman utama apabila pilihan raya dilaksanakan ketika pandemik akan membuka kepada risiko kesihatan awam daripada syarat-syarat mengundi dalam jangka masa yang pendek (kebiasaannya dalam tempoh satu hari) di tempat yang tertutup dan sesak (di pusat-pusat mengundi), di mana cabarannya adalah untuk mematuhi peraturan kesihatan dan menjaga penjarakan sosial. Apabila keputusan melaksanakan pilihan raya dalam situasi mencabar ini dibuat, keputusan tentang masa dan tempat mengundi mungkin akan memberi implikasi yang besar dalam memastikan keselamatan pengundi terjamin. Oleh itu, apabila mempertimbangkan bagaimana untuk meminimumkan risiko-risiko kesihatan yang berkait rapat dengan pandemik, badan-badan pembuat keputusan perlu untuk mempertimbangkan secara munasabah dan realistik berkenaan impak faktor-faktor kritikal ketika pilihan raya dilaksanakan.

3. KAEDAH KAJIAN

Kajian juga menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual bersama pakar bagi tujuan menjawab objektif kajian yang kedua; menganalisis praktis dan kekangan sedia ada berkaitan pengurusan keselamatan fizikal, personel dan peristiwa dalam pilihan raya dalam suasana pandemik COVID-19. Sebanyak 14 soalan telah digunakan untuk mendapatkan maklum balas daripada sesi temu bual tersebut. Seramai sembilan orang pakar daripada badan-badan bertanggungjawab telah dikenal pasti sebagai responden yang juga telah terlibat secara langsung dalam tiga Pilihan Raya Kecil yang telah diadakan di Chini, Muallim dan Sabah (rujuk Jadual 1). Kesemua responden diberi label yang berbeza bagi tujuan penyamaran dan etika penyelidikan. Pemilihan ketiga-tiga kawasan adalah disebabkan pilihan raya tersebut berlaku

ketika dunia sedang menghadapi ancaman pandemik COVID-19 yang akan membezakan situasi dengan pilihan raya yang dilakukan dalam keadaan normal. Data telah dianalisis menggunakan perisian NVivo bagi mengklasifikasikan rangka dan sub rangka berkaitan dengan praktis dan kekangan ketika menguruskan keselamatan ketika pilihan raya tersebut diadakan.

Bagi mendapatkan maklum balas yang tepat dan sesuai, sebanyak lima Jabatan yang bertanggungjawab telah dipilih mengikut skop tugas masing-masing bagi memastikan pilihan raya berjalan dengan lancar, iaitu; (1) Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), (2) Polis Diraja Malaysia (PDRM), (3) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), (4) Majlis Keselamatan Negara (MKN), dan (5) Jabatan Peguam Negara (JPN). Daripada kelima-lima Jabatan terbabit, responden yang telah ditemu bual adalah seramai empat orang daripada SPR, tiga daripada PDRM, dan masing-masing seorang daripada KKM, MKN dan JPN. SPR mewakili Jabatan yang bertanggungjawab melaksanakan pilihan raya di Malaysia manakala PDRM pula mengawal dan melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan dengan keselamatan. Manakala KKM merupakan Jabatan yang bertanggungjawab dalam mengawal keselamatan kesihatan terutamanya ketika era pandemik COVID-19 dan JPN pula mewakili jabatan yang bertanggungjawab dalam hal-hal yang berkaitan dengan perundangan. Daripada keseluruhan jabatan, MKN merupakan jabatan yang bertanggungjawab untuk mengawal dan memastikan pengurusan keselamatan secara menyeluruh daripada semua pihak di samping mengelakkan daripada tercetusnya isu-isu berkaitan keselamatan negara.

Jadual 1

Maklum Balas Temu Bual daripada Jabatan yang Bertanggung jawab dalam Pilihan Raya

Agensi	Responden	Tarikh	Masa
PDRM Slim	PDRM1	15/9/2021 (Rabu)	11.00 am
PDRM Chini	PDRM2	20/9/2021 (Isnin)	4.00 pm
SPR Sabah	SPR1	Maklum balas bertulis	
SPR Slim	SPR2	10/9/2021 (Jumaat)	3.30 pm
SPR Chini	SPR3	19/9/2021 (Ahad)	2.30 pm
MKN	MKN1	20/9/2021 (Isnin)	5.30 pm
JPN	JPN1	17/9/2021 (Jumaat)	3.00 pm
KKM	KKM1	20/9/2021 (Isnin)	8.00 pm
RO SLIM	SPR4	Maklum balas bertulis	12.00 pm

Temu bual bersama responden telah dilakukan menerusi dalam talian, bersemuka dan bertulis yang telah dijadualkan mengikut kehendak dan kesesuaian tarikh dan masa responden. Bagi mengenal pasti hubungan kait di antara praktikal dan kekangan yang berlaku ketika pilihan raya di ketiga-tiga kawasan tersebut ketika pandemik COVID-19, data yang merupakan maklum balas responden telah dianalisis menggunakan kaedah SWOT - TOWS (kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman – ancaman, peluang, kelemahan dan kekuatan). Sesi-sesi temu bual tersebut adalah relevan dengan pengalaman mereka yang terlibat sendiri secara langsung ketika menguruskan pilihan raya tersebut dan hanya memfokuskan kepada pengurusan keselamatan yang melibatkan fizikal, personel dan peristiwa.

4. DAPATAN KAJIAN

Secara keseluruhan, faktor praktis dan kekangan dinilai mengikut tiga aspek yang utama iaitu aspek fizikal, aspek personel dan aspek peristiwa. Aspek pengurusan keselamatan fizikal merangkumi ibu pejabat pentauliahan pilihan raya, pejabat daerah, stesen pendaftaran, pusat kira undi, pejabat parti politik, pejabat pemerhati pilihan raya dan organisasi media. Aspek pengurusan keselamatan personel pula termasuk pengundi, pegawai awam, pekerja pilihan raya, pasukan keselamatan, calon-calon, ejen parti, pemerhati pilihan raya serta wakil daripada media. Manakala aspek pengurusan keselamatan peristiwa merangkumi rapat umum, debat, pertemuan parti politik, mesyuarat gabungan dan pendaftaran pemilih.

Jadual 2

Faktor Utama dan Sub-Faktor Dimensi Praktis dan Kekangan Pengurusan Keselamatan Pilihan Raya

Sub Faktor	Faktor Praktis	Faktor Kekangan
1.	Amalan	Kos
2.	Latihan/ujian	Skop
3.	Kemahiran	Kualiti
4.	Profesion	Pemegang Taruh
5.	Prestasi	Risiko
6.	-	Sumber
7.	-	Masa

Bagi menjelaskan lagi tentang maksud kepada objektif kajian, faktor praktis dan kekangan telah dirangka pula kepada beberapa sub faktor yang memperincikan lagi kepada kedua-dua faktor utama tersebut seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2 di atas. Semua sub faktor tersebut kemudiannya telah dikategorikan kepada pecahan mengikut analisis SWOT iaitu kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman mengikut maklum balas yang telah diberikan oleh responden-responden kajian. Untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang pengkategorian tersebut, jadual-jadual yang berikutnya akan diklasifikasikan mengikut kelas-kelas kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman

dengan memaparkan kekerapan rujukan dan bilangan sumber daripada responden.

Merujuk kepada Jadual 3, kekuatan untuk praktis dalam pengurusan keselamatan pilihan raya yang berlaku ketika pandemik COVID-19 di Chini, Slim dan Sabah, kekuatan yang paling banyak dirujuk adalah sub faktor amalan iaitu sebanyak 84 rujukan berdasarkan maklum balas yang diterima oleh pakar. Kesemua sembilan sumber iaitu wakil-wakil dari SPR, PDRM, KKM, MKN dan JPN percaya bahawa kesemua standard operasi piawai (SOP) yang dilaksanakan ketika pilihan raya kecil di Chini dan Slim dan pilihan raya di Sabah mengutamakan keselamatan dari segi amalan atau tindakan yang diguna pakai ketika itu.

Jadual 3
Kekuatan Faktor Praktis dalam Pengurusan Keselamatan Pilihan Raya Ketika Pandemi COVID-19

Sub Faktor	Kekerapan Rujukan	Bilangan Sumber
Amalan	84	9
Latihan	43	9
Kemahiran	20	8
Profesion	49	9
Prestasi	24	9

Demi untuk mengawal keselamatan terutamanya kesihatan, SOP yang diwujudkan ketika pilihan raya tersebut dianggap satu kekuatan dalam pengurusan keselamatan seperti yang disebut oleh SPR1, *'Sebelum ni takde SOP, maksud saya SOP kesihatan lah, taka da sebelum ni tak ada. Dan lain-lain tentang isu keselamatan kerajaan apa semua itu saya rasa sama je. Maksud saya masih sama, keselamatan kerajaan, keselamatan kawalan, keselamatan itself tu memang kita pantau, memang sama. Cuma yang amat berbeza ialah adanya SOP.'* Dalam menjayakan SOP tersebut dilaksanakan, PDRM2 juga ada menyatakan bahawa kesemua SOP dari jabatan yang berbeza perlu dipatuhi untuk mengawal keselamatan pilihan raya tersebut, *'Tak ada, kita tidak keluar SOP lain, kita follow pada SOP yang dikeluarkan oleh MKN, SPR dan*

KKM tetapi dalam masa yang sama saya akan membuat prosedur saya sendiri , contohnya based on situasi yang bakal berlaku yang kita telah fikirkan contoh pada hari penamaan calon, SOP dah jelas mengatakan calon pencadang dan juga penyokong tiga orang sahaja yang dibenarkan masuk kepada pusat penamaan calon tapi pengalaman lepas, mana-mana pilihan raya pun mereka akan bawak penyokong.'

Contoh maklum balas ini menunjukkan bahawa betapa pentingnya kerjasama kesemua jabatan yang bertanggungjawab dalam memastikan keselamatan fizikal, personel dan peristiwa itu berjalan dengan lancar ketika pandemik COVID-19 melanda.

Jadual 3 juga menunjukkan bahawa sub faktor kemahiran paling kurang dirujuk iaitu sebanyak 20 kali oleh lapan orang responden. Ini berlaku mungkin disebabkan oleh situasi pandemik COVID-19 yang sama sekali berbeza dengan pilihan raya yang diadakan dalam keadaan normal. Melalui maklum balas oleh semua responden, latihan atau taklimat yang disediakan dan diberikan oleh SPR juga adalah hasil perbincangan bersama semua jabatan lain seperti KKM terutamanya dalam skop kesihatan, MKN dalam skop isu keselamatan secara keseluruhan, PDRM dalam skop pelaksanaan kawalan keselamatan dan JPN dalam skop perundangan. Sebagai contoh, maklum balas yang diberikan oleh JPN tentang skop perundangan, *'Walaupun dia dalam soal pilihan raya, keselamatan diambil kira, tapi keselamatan tu juga kena berkait dengan undang-undang. Kalau SPR, dia buat pilihan raya, dia tak boleh tengok undang-undang dia sahaja, dia kalau nak tengok keselamatan, dia juga kena tengok akta-akta polis, dan akta-akta yang lain.'*

Jadual 4 di bawah pula merujuk kepada kekuatan faktor kekangan yang telah didapati ketika menguruskan keselamatan pilihan raya di Chini, Slim dan Sabah. Jadual tersebut menunjukkan sub faktor skop menjadi rujukan utama dengan rujukan sebanyak 62 dan telah dinyatakan oleh kesemua sumber atau responden dari kelima-lima jabatan yang bertanggungjawab. Dalam hal ini,

kekuatan dalam menguruskan keselamatan pilihan raya tersebut adalah perlu untuk mengambil kira skop-skop keselamatan fizikal, personel dan peristiwa dengan mengetahui dan faham tentang peranan tugas masing-masing ketika pelaksanaan pilihan raya tersebut.

Jadual 4
Kekuatan Faktor Kekangan dalam Pengurusan Keselamatan Pilihan Raya Ketika Pandemik COVID-19

Kekangan	Kekerapan Rujukan	Bilangan Sumber
Kos	1	1
Skop	62	9
Kualiti	26	7
Pemegang Taruh	4	3
Risiko	47	9
Sumber	16	6
Masa	10	9

Sebagai contoh, *JPN* menyatakan, ‘*JPN*, yang pertama, kita kena ingat yang *JPN* ni kita oversee semua agency yang ditubuhkan, yang dinyatakan bawah perlembagaan persekutuan, *SPR* ni salah satu badan yang berfungsi di bawah perlembagaan persekutuan untuk menjalankan pilihan raya, jadi secara Langsung, dia akan di monitor oleh *JPN* untuk memberi nasihat, kita hanya member nasihat sebab dan juga sekiranya berlaku apa kes ataupun petition pilihan raya , cabaran kepada perjalanan pilihan raya dan sebagainya dia akan diambil alih oleh *JPN* untuk mewakili *SPR*. Jadi skop kita akan oversee dan memastikan bahawa semasa proses perjalanan pilihan raya, persediaan pilihan raya, dan apa jua pindaan undang-undang yang berkaitan dengan proses pilihan raya , keseluruhannya di Malaysia ni, akan di monitor dan di oversee oleh kita lah. Ok, itu kita punya skop. Sebab, kena ingat *JPN* ini adalah badan yang ditubuhkan oleh perlembagaan persekutuan, dan kita go back to the basic bahawa peguam negara adalah penasihat kepada kerajaan dan juga kepada keseluruhan agency di bawah persekutuan dan mana ditubuhkan bawah perlembagaan persekutuan tu sendiri, itu dia punya skop tu lah.’

Satu contoh lagi dari KKM1, *'Fungsi KKM adalah untuk menasihati perkara-perkara berkaitan dengan norma baharu semasa pandemic so semua aktiviti, mengundi adalah salah satu aktiviti kita ada banyak lagi aktiviti kan main tengok wayang makan, KKM adalah untuk menasihati bila cakap tentang mengundi bukan untuk pilihan raya sahaja mengundi untuk pilihan Agong mesyuarat ahli-ahli politik yang banyak tertangguh kita juga ada mengundi pengurusan strata yang perlu memilih majlis JMB untuk memilih strata tujuan perlaksanaan aktiviti-aktiviti kondominium dan rumah-rumah so mengundi ini adalah satu aktiviti tapi banyak perkara yang berkaitan mengundi so kita member input bukan pasal pentadbiran tapi bagi mencegah berlakunya penyakit COVID-19.'* Kefahaman tentang skop tugas dan peranan jabatan yang terlibat adalah penting dalam memastikan perjalanan pilihan raya tersebut selamat daripada ancaman keselamatan terutamanya kesihatan yang membabitkan COVID-19.

Kekuatan faktor kekangan yang paling rendah bilangannya merujuk kepada faktor kos iaitu sebanyak sekali sahaja oleh satu responden. Umumnya semua responden mengakui bahawa kos merupakan antara cabaran terbesar dalam melaksanakan pilihan raya ketika pandemik COVID-19. Sebagai contoh, maklum balas dari SPR1, *'Selepas itu, staf pun bertambah staf pun lagi banyak bertambah kita tambah staf untuk dari segi khemah saringan itu apa, untuk saring semua tu itu diorang pun kena pakai sarung tangan apa semua hand sanitizer semua benda tulah kita kena tambah la jadi memang 3 kali ganda lah pada saya.'*

Jadual 5
Kelemahan Faktor Praktis dalam Pengurusan Keselamatan Pilihan Raya
Ketika Pandemik COVID-19

Sub Faktor	Kekerapan Rujukan	Bilangan Sumber
Amalan	77	9
Latihan	6	3
Kemahiran	12	5
Profesion	20	4
Prestasi	10	4

Dalam mengenal pasti kelemahan yang terdapat dalam faktor praktis dalam menguruskan keselamatan pilihan raya yang diadakan ketika pandemik COVID-19 pula, Jadual 5 di atas memperlihatkan bahawa sub faktor amalan sekali lagi menjadi sub faktor yang mempunyai kekerapan rujukan tertinggi sebanyak 77 dan telah dinyatakan dalam maklum balas semua responden yang terlibat. Di antara sebab yang paling banyak menyumbang kepada kelemahan ini adalah apabila SOP yang ditetapkan tidak dipatuhi ketika pelaksanaan pilihan raya tersebut seperti yang dinyatakan oleh MKN1, *'Tapi sebaliknya berlaku di Sabah, di mana kita dapati bahawa berlakunya peningkatan kes yang luar biasa sampailah ke semenanjung. Dan ini diakui oleh semua Menteri walaupun, diakui oleh semua pihak lah bahawa benda ni adalah antara puncanya kes Covid tinggi. Faktor utamanya adalah kerana tidak ada, kurangnya pematuhan terhadap SOP yang telah ada.'* SPR1 pula telah memberikan contoh tentang perihal yang telah berlaku di Sabah apabila masih ada dalam kalangan calon dan penyokong misalnya yang bersentuhan iaitu dengan berpelukan apabila kemenangan diumumkan. Inilah di antara sebab yang menjadikan hilangnya kawalan apabila ada golongan yang tidak prihatin atau mengambil berat tentang pelaksanaan SOP terutamanya di kawasan yang sesak seperti di pilihan raya.

Kelemahan faktor praktis yang paling sedikit merupakan latihan yang disebut oleh tiga responden. Ini relevan dengan apa yang dinyatakan oleh semua responden apabila latihan dan ujian dalam bentuk taklimat, penerangan dan sebagainya telah disediakan oleh SPR seperti yang dinyatakan oleh KKM1, *'Latihan itu beberapa hari sebelum penamaan calon yang itu kebiasaan kita ada buat video kita ada buat MOB kita ada buat trial yang itu bersama-sama dengan agensi, bukan KKM lead SPRM yang lead.'* JPN1 pula menambah bahawa latihan telah diberikan secara teori, praktikal dan teori dan boleh diakses secara dalam talian di laman web rasmi SPR. Disebabkan latihan yang cukup, ia bukanlah menjadi punca utama kelemahan bagi praktis pengurusan keselamatan.

Jadual 6 pula memaparkan kelemahan bagi faktor kekangan dalam pengurusan keselamatan pilihan raya yang diadakan ketika pandemik wabak COVID-19. Jadual tersebut juga menunjukkan walaupun terdapat beberapa sub faktor yang menjadi rujukan, tetapi kos merupakan sub faktor yang paling kerap dirujuk iaitu sebanyak 42 berbanding yang lain yang menyumbang kepada kelemahan dari segi kekangan. Ini kerana, penggunaan bahan seperti alat sanitasi, baju *Personal Protection Equipment* (PPE), sarung tangan, penyukat suhu dan berus cat yang disediakan untuk pengundi bagi tujuan mengundi telah beberapa kali ditekankan dan diakui oleh semua responden.

PDRM1 dalam hal ini menekankan bahawa mereka komited dan mengutamakan keselamatan pengundi demi memastikan mereka berada dalam keadaan selamat walau ketika pilihan raya tersebut diadakan, *'Kita tak nak ketenteraman tergugat, keselamatan tergugat, menyebabkan pengundi-pengundi takut untuk keluar mengundi dan takut untuk menerima calon berkempen di daerah atau tempat mereka. Jadi, dari segi kos, kita ingin menunjukkan kepada masyarakat bahawa keselamatan mereka adalah keutamaan di pihak Polis Diraja Malaysia. Dan kita tunjukkan berapa ramai di Chini yang mereka selamat untuk keluar dan berkempen dan yang penting semasa pengundian. That's why, kita tengok peratus mengundi tu tinggi juga jika dibandingkan dengan peratus keluar mengundi di dalam pilihan raya umum 2018.'*

Jadual 6
Kelemahan Faktor Kekangan dalam Pengurusan Keselamatan Pilihan Raya Ketika Pandemik COVID-19

Kekangan	Kekerapan Rujukan	Bilangan Sumber
Kos	42	9
Skop	22	7
Kualiti	19	4
Pemegang Taruh	6	5
Risiko	30	8
Sumber	34	7
Masa	24	5

Berdasarkan Jadual 6 juga boleh dinyatakan bahawa sub faktor lain seperti sumber, risiko, masa, skop dan kualiti mempunyai bilangan rujukan yang tidak jauh beza dengan kos bagi kelemahan kekangan. Ini berlaku kerana kesemua sub faktor adalah terkesan dengan peningkatan yang tinggi kos mengadakan pilihan raya yang diadakan ketika pandemik COVID-19. Sebagai contoh, kekurangan sumber dari segi kakitangan KKM seperti yang dinyatakan oleh KKM1, *'Kalau cakap pasal Slim dan Chini saya rasa masa itu lebih daripada cukup sebab kes tak banyak dan sebagainya tapi kalau kita cakap pasal pilihan raya Sabah kita agak constrain dengan masa sebab setiap hari kes naik, garis panduan pun berubah lepas itu staff yang bertugas pun ada yang positif kena pula cari staff lain untuk cover dan sebagainya.'* Maklum balas KKM1 juga boleh menerangkan contoh bagi risiko di mana ia boleh dilihat apabila kakitangan petugas pula yang dijangkiti COVID-19 dan menjadikan sumber tenaga berkurangan.

Setelah ketiga-tiga pilihan raya diadakan, terdapat peluang dan ruang dari segi praktis yang boleh diambil daripada perkara yang telah berlaku seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7 di bawah dalam menguruskan keselamatan ketika pandemik COVID-19. Daripada jadual tersebut, amalan sekali lagi menjadi rujukan tertinggi sebanyak 42 berbanding sub faktor yang lain dan telah disebut oleh lapan sumber atau responden temu bual. Ini berlaku kerana disebabkan SOP yang telah diwujudkan di samping latihan simulasi dan profesion misalnya telah banyak membuka peluang dan ruang bagi amalan dalam mengawal keselamatan ketika pilihan raya yang berlaku dalam situasi seperti pandemik COVID-19 yang tidak dijangkakan.

Jadual 7
Peluang Faktor Praktis dalam Pengurusan Keselamatan Pilihan Raya Ketika Pandemik COVID-19

Sub Faktor	Kekerapan Rujukan	Bilangan Sumber
Amalan	42	8
Latihan	19	8
Kemahiran	16	6

Profesion	22	7
Prestasi	28	8

Sebagai contoh, SPR3 yang menyebut tentang latihan atau simulasi yang diberikan sebelum pilihan raya diadakan, *'Latihan diberi oleh Akademi Pilihan raya melalui taklimat kepada semua petugas, KKM, ARO dan RO sebulan sebelum PRK. Amali pembukaan kotak peti undi bagi setiap tempat mengundi diadakan bersama KKM, kerani dan anggota petugas.'* Selain daripada itu, mewujudkan pas bagi kebenaran untuk masuk ke kawasan mengundi juga membantu membuka peluang dan ruang kepada pematuhan SOP seperti yang dinyatakan oleh SPR1, *'Masa hari pengundian ataupun pilihan raya calon dalam kawasan itu adalah kawasan SPR di luar kawasan SPR (24.18) biasalah polis ke bomba ke tapi biasanya polis, nisbah polis ini 1 pegawai awam yang terlibat dalam pilihan raya 4 orang polis so maknanya di luar pagar memang polis, untuk kebenaran masuk kita ada pakai pass tak ada pass tak dibenarkan masuk so that is why yang tak dapat kenderaan masuk crowd dekat luar so kita bagi calon, penyokong dan pencadang sahaja yang lain-lain tak payah sibuk.'* Latihan dan SOP serta cadangan 'e-voting' yang dicadangkan oleh KKM1 juga boleh menyumbang kepada peluang dan ruang bagi amalan keselamatan dipraktikkan dengan lebih baik pada masa akan datang.

Merujuk kepada Jadual 7 juga menunjukkan sub faktor lain seperti prestasi, profesion, latihan dan kemahiran juga menunjukkan bilangan rujukan yang tidak jauh berbeza di antara satu sama lain. Ini kerana semua sub faktor ini boleh dilihat boleh memberi impak kepada amalan dalam praktis pengurusan keselamatan pilihan raya ketika pandemik COVID-19. Sebagai contoh, prestasi yang baik seperti yang berlaku di Chini dan Slim serta kepatuhan petugas mengikut profesion masing-masing boleh meningkatkan lagi peluang kepada amalan pengurusan keselamatan.

Antara contoh lain, PDRM1 ada mencadangkan tentang cara yang lebih baik untuk dilaksanakan terutamanya ketika keadaan yang sukar seperti pandemik, *'Last sekali Dr, saya mungkin akan*

menekankan tentang MEMPERKASAKAN penggunaan kempen secara maya, itu yang saya nampak yang paling bagus, menjimatkan kos, dan kalau boleh, orang cakap ada satu siaran khas bagi kawasan-kawasan tertentu. Contohnya macam pilihan raya di Kuantan, mungkin teknologi siaran tu dapat digunakan dan diubahsuaikan dengan cara tersebut. Ataupun memaklumi kepada pengundi-pengundi Kuantan “sekian, 20/9/2021, pukul 3 petang, calon ahli parlimen Kuantan akan berkempen secara maya, JOM buka di aplikasi WhatsApp anda” ha macam tu’ Cadangan tersebut dilihat boleh memberi peluang kepada amalan pengurusan keselamatan yang lebih baik dan sesuai dilakukan ketika keadaan sukar seperti pandemik.

Selain daripada itu, peluang juga didapati melalui faktor kekangan untuk diperbaiki ketika menguruskan keselamatan pilihan raya ketika situasi sukar seperti pandemik COVID-19 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 8 di bawah. Dapatan kajian menunjukkan kualiti menjadi sub-topik yang paling kerap dirujuk iaitu sebanyak 58 kali oleh lapan sumber atau responden. Ini terjadi apabila kualiti pengurusan keselamatan mampu diberi ruang pembaikan daripada banyak aspek. Sebagai contoh, apabila amalan SOP dipatuhi, latihan diberikan dan penilaian risiko dibuat sebelum pilihan raya diadakan akan menyumbang kepada peningkatan kualiti dalam aspek menguruskan keselamatan ketika pelaksanaannya. Sebagai contoh, SPR3 menyebut tentang pelaksanaan raptai di tempat mengundi sebenar, ‘Raptai hari penamaan calon, *raptai pengisytiharan pemenang PRK Slim telah dilakukan di dewan sebenar dengan melihat kepada SOP.*’

Jadual 8 di bawah juga memperlihatkan jurang perbezaan bagi peluang faktor kekangan yang ketara rendah terutamanya kos, pemegang taruh dan masa yang hanya disebut oleh lima ke enam responden. Kos misalnya, jika dapat dinilai dan diperbaiki supaya menjadi lebih rendah akan memberi peluang untuk penambahbaikan kualiti pengurusan keselamatan pilihan raya. Ia mungkin boleh menjadi lebih baik dengan kerjasama daripada pemegang taruh yang boleh mempengaruhi bebanan kos semasa pilihan raya

diadakan selain boleh memberi kesan kepada penjimatan masa dalam pelaksanaan pilihan raya tersebut.

Jadual 8
Peluang Faktor Kekangan dalam Pengurusan Keselamatan
Pilihan Raya Ketika Pandemik COVID-19

Kekangan	Kekerapan Rujukan	Bilangan Sumber
Kos	6	5
Skop	32	9
Kualiti	58	8
Pemegang Taruh	6	5
Risiko	39	9
Sumber	9	6
Masa	7	6

Ini ditambah pula dengan pindaan-pindaan yang dibuat ketika di peringkat perbincangan seperti yang dinyatakan oleh MKN1, *‘that’s why sebenarnya saya rasa semasa untuk SOP pilihan raya SPR ni, dia sebenarnya berkali-kali dibawa untuk dibincangkan ke peringkat semua agensi. Bukan sekali Dr., berkali-kali pindaan-pindaan sebab input daripada semua bahan jabatan terutamanya kementerian kesihatan telah pun diambil kira.’*

Jadual 9 di bawah pula menunjukkan tentang ancaman daripada praktis ketika pengurusan keselamatan pilihan raya yang dilihat boleh berlaku ketika pandemik COVID-19. Daripada jadual tersebut, perbezaan yang tinggi telah didapati bagi sub faktor amalan iaitu sebanyak 22 kali dirujuk oleh enam responden. Ancaman ini boleh dijelaskan sebagai satu bentuk halangan atau cabaran yang boleh menyumbang kepada kegagalan dalam amalan pengurusan keselamatan ketika pilihan raya terutamanya pada waktu mencabar seperti pandemik ini. Ini mungkin disebabkan oleh aspek-aspek lain seperti kegagalan mematuhi SOP atau pelaksanaan yang sukar apabila profesion atau peranan petugas seperti PDRM yang tidak dihormati apabila memberi arahan. Sebagai contoh, sikap suka menyebarkan sesuatu isu yang akan memburukkan lagi keadaan seperti yang dinyatakan oleh SPR1, *‘Kalau Dr. baca kan beratur sampai luar apa semua benda-benda tu lah sebab dia stuck*

untuk saringan itu ha dia dah start stuck, orang pun datang tak ikut masa jadi benda tu kita tak dapat nak control jadi ada lah sikit viral-viral apa semua hantar laporan lah apa kita pun turun juga lah nak pergi tengok keadaan macam itu kan.'

Jadual 9

Ancaman Faktor Praktis dalam Pengurusan Keselamatan Pilihan Raya Ketika Pandemik COVID-19

Sub Faktor	Kekerapan Rujukan	Bilangan Sumber
Amalan	22	6
Latihan	2	2
Kemahiran	4	2
Profesion	4	3
Prestasi	5	2

Contoh lain termasuk penyediaan bahan keperluan seperti kualiti makanan yang rendah dan kuantiti yang tidak mencukupi seperti yang dinyatakan oleh PDRM2, *'itu antara masalah la lepas tu makanan, kebajikan anggota saya, itu masalah juga kadang-kadang kerja sampai lewat kadang-kadang ini melibatkan contractor yang supply makanan la. Ye la anggota saya bekerja kan, tapi kuantiti makanan tak sepatutnya, kadang-kadang sekali tu kuantiti makanan tu dahlah sikit lepas tu macam makanan orang (KT?) lagi sedap (KT: kena tahan). Tu saya complain jugalah.'*

Kekerapan rujukan paling rendah bagi ancaman faktor praktis juga termasuk semua sub faktor yang lain; latihan, kemahiran, profesion dan prestasi yang disebut oleh hanya dua ke tiga orang responden sahaja. Ini kerana sebagai contoh, latihan yang diberikan kepada petugas seperti dalam maklum balas semua responden adalah sangat lengkap dan efisien yang disediakan oleh SPR. Selain itu, kemahiran yang cekap dari segi pengurusan keselamatan dengan petugas yang komited dengan profesion mereka telah menyumbang kepada prestasi yang baik melalui penilaian semula yang dibuat oleh SPR terutamanya di Chini dan Slim. Disebabkan itu, kesemua sub faktor ini dilihat tidak menjadi ancaman kepada praktis dalam pengurusan keselamatan dalam pilihan raya yang dijalankan sewaktu pandemik COVID-19.

Ancaman juga boleh dilihat kepada faktor kekangan yang boleh dirujuk melalui Jadual 10 di bawah ketika menguruskan keselamatan semasa pilihan raya yang diadakan pada waktu pandemik COVID-19 melanda. Melalui hasil dapatan kajian daripada Jadual 10 menunjukkan bahawa sebanyak 27 kekerapan rujukan yang membawa kepada sub faktor risiko menjadinya paling banyak dirujuk. Daripada jumlah tersebut, tujuh responden telah menyumbang kepada sub faktor tersebut. Ancaman kekangan dari segi risiko ini boleh dilihat daripada banyak sudut terutamanya apabila kualiti pengurusan keselamatan dipandang rendah serta penglibatan kos yang tinggi seperti yang selalu diulang oleh semua responden dalam pelaksanaan pilihan raya ketika pandemik boleh menyumbang kepada ancaman kekangan dari segi risiko pengurusan keselamatan.

Jadual 10

Ancaman Faktor Kekangan dalam Pengurusan Keselamatan Pilihan Raya Ketika Pandemik COVID-19

Kekangan	Kekerapan Rujukan	Bilangan Sumber
Kos	12	5
Skop	2	2
Kualiti	15	6
Pemegang Taruh	5	4
Risiko	27	7
Sumber	6	3
Masa	4	2

KKM1 misalnya menyatakan '*Cuma, macam saya kata tadi lah, pelaksanaan lah, dari segi SOP, saya rasa semua dah ada dah. Cuma pelaksanaan je sekarang. Sejauh mana pelaksanaan tu akan dibuat dengan sempurna. Kan, sebab kita, macam dalam buku lah kan, teori banyak, teori banyak, kita boleh cakap macam-macam, tapi bila nak buat kan.*' Ini termasuk penggunaan masa yang banyak apabila melibatkan banyak langkah yang perlu diikuti menyebabkan ada yang bertindak melanggar SOP tersebut. Dari sudut kos pula, MKN1 berkata, '*Kalau isu lain yang, kalau yang MKN tak tengok kita tahu perbezaan yang amat jelas adalah kos yang makin*

meningkat lah bergandalah. Sebab adanya SOP tu menyebabkan kos yang amat tinggi. Kegunaan dakwat, nak sediakan khemah apa semua, peningkatan sumber manusia kena cari ruang yang luas ha itu benda-bendanya lah.’ Penglibatan petugas dari jabatan lain untuk membantu pula mungkin boleh menjejaskan sedikit tentang komitmen atau tugas sebenar yang perlu difahami dalam masa yang singkat.

Jadual 10 juga menunjukkan perbezaan yang ketara di antara sub faktor risiko (27) dengan sub faktor skop (2 rujukan), masa (5 rujukan), pemegang taruh (5 rujukan) dan sumber (6 rujukan). Hal ini terjadi mungkin disebabkan oleh keberkesanan dari segi skop tugas pengurusan keselamatan yang jelas misalnya yang tidak memberi kesan kepada ancaman kekangan. Ini termasuk pemegang taruh yang mungkin tidak akan menjadi ancaman kerana pilihan raya boleh memberi manfaat kepada mereka. Dalam mengaitkan masa dan sumber pula, masa yang panjang mungkin boleh menjadi satu bentuk kelemahan tetapi bukan merupakan ancaman dalam mengawal keselamatan terutamanya dalam menjaga kesihatan semua personel yang terlibat dalam pilihan raya tersebut. Dalam keadaan pandemik COVID-19 ini juga, sumber yang dinyatakan oleh kebanyakan responden merujuk kepada tenaga petugas yang kurang disebabkan penggunaan tempat di pusat mengundi yang banyak. Namun, ia hanya merupakan satu kelemahan yang boleh diatasi dengan bantuan agensi lain seperti RELA misalnya seperti yang dinyatakan oleh PDRM1, *‘Yalah, tapi pada saya lah, kita boleh gunakan elemen-elemen pasukan sahabat seperti RELA untuk membantu, kerana yang penting adalah mereka ini perlu diberi penerangan terlebih dulu.’* Ini kerana keselamatan yang paling diutamakan ketika pilihan raya yang dijalankan dalam era pandemik ini adalah berkaitan dengan kesihatan.

Berdasarkan huraian Jadual 1-10 di atas, Jadual 11 di bawah memperlihatkan analisis SWOT tentang praktis dan kekangan yang melibatkan fizikal, personel dan peristiwa dalam pengurusan keselamatan pilihan raya ketika pandemik COVID-19 yang telah diadakan di Chini, Slim dan Sabah. Berdasarkan analisis SWOT,

kajian mendapati bahawa kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman praktis secara keseluruhannya adalah bergantung kepada amalan pengurusan keselamatan pilihan raya. Amalan tersebut adalah merujuk kepada penglibatan kesemua jabatan dan agensi secara langsung semasa pelaksanaan pilihan raya seperti SPR, PDRM, KKM, MKN dan JPN.

Jadual 11
Analisis Hubung Kait SWOT Secara Keseluruhan
Pengurusan Keselamatan Pilihan Raya Ketika Pandemik
COVID-19

	KEKUATAN	KELEMAHAN
Praktis Kekangan	Amalan	Amalan
	Skop	Kos
	PELUANG	ANCAMAN
Praktis Kekangan	Amalan	Amalan
	Kualiti	
	Skop Risiko	Risiko

Sebagai contoh, amalan pematuhan SOP merupakan kekuatan kepada pengurusan keselamatan dan ia membuka peluang dan ruang yang lebih baik dari segi pelaksanaan pilihan raya yang berjaya. Sebaliknya, kelemahan daripada segi amalan pematuhan SOP pula merujuk kepada kegagalan pematuhan seperti yang berlaku di kalangan penyokong dan media yang datang yang mana ia akan menjadi ancaman dan halangan kepada pelaksanaan pilihan raya.

Merujuk kepada faktor kekangan dalam pengurusan keselamatan, faktor skop merupakan kekuatan pengurusan keselamatan pilihan raya. Skop yang dimaksudkan adalah pemahaman dan komitmen tugas serta tanggungjawab setiap jabatan dan agensi yang terlibat. Ini sekali gus membuka peluang dan ruang untuk penambahbaikan daripada sudut kualiti, skop serta risiko dalam pengurusan keselamatan pilihan raya ketika pandemik. Sebaliknya, kelemahan dimensi kekangan dari sudut kos yang tinggi pula akan memberi ruang ancaman kepada pengurusan keselamatan sesebuah pilihan raya. Oleh kerana kos pengurusan tidak dapat

ditetapkan lebih awal mengambil kira keperluan semasa, logistik dan amaun keseluruhan yang diperlukan ketika pilihan raya.

Analisis SWOT ini jelas menunjukkan perkaitannya yang perlu dinilai kembali untuk penambahbaikan dan kelancaran pelaksanaan pilihan raya ketika waktu-waktu yang sukar dan mencabar seperti pandemik COVID-19 pada masa akan datang. Ia boleh diguna pakai dengan mengambil kira semua perkaitan kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman yang sangat berbeza dengan situasi normal pilihan raya demi memastikan pengurusan keselamatan semua pihak akan dapat dikawal dengan baik.

5. KESIMPULAN

Perkaitan yang boleh dilihat dari segi kekuatan di antara praktis dan kekangan juga menunjukkan perkaitan yang jelas. Hal ini berlaku apabila kekuatan kekangan yang merujuk kepada skop dari segi pemahaman yang jelas dan komitmen tugas yang baik oleh setiap jabatan sebenarnya menjadi punca kepada keberkesanan praktis dari segi amalan dalam pengurusan keselamatan pilihan raya tersebut.

Manakala kelemahan praktis dan kekangan yang merujuk kepada amalan dan kos juga menunjukkan hubung kait di antara kedua-duanya. Ini kerana apabila kelemahan paling ketara dilihat kepada keperluan kos yang tinggi, jelas ia akan memberi kesan dan menjadi punca kepada lemahnya amalan pengurusan keselamatan pilihan raya tersebut. Keperluan kos yang sedia tinggi setiap kali pelaksanaan pilihan raya walaupun ketika dalam situasi normal menjadi lebih dua hingga tiga kali ganda apabila dijalankan sewaktu pandemik COVID-19.

Peluang di antara dimensi praktis dan kekangan pula merujuk kepada amalan, kualiti skop dan risiko. Perkaitannya boleh dilihat melalui setiap peluang yang ada daripada kualiti, skop dan risiko boleh memberi kesan kepada keberkesanan amalan pengurusan keselamatan pilihan raya yang diadakan sewaktu pandemik ini. Ini kerana melalui kualiti pengurusan keselamatan

yang baik boleh menyumbang kepada kelancaran amalan pilihan raya yang diadakan. Ini boleh berlaku apabila skop tugas yang difahami dan dilaksanakan oleh petugas juga berkait rapat dengan peluang amalan pengurusan keselamatan yang lebih baik. Penilaian risiko yang dibuat sebelum pilihan raya yang sebenar juga menyumbang kepada pelaksanaan amalan pengurusan keselamatan pilihan raya yang lebih baik dan teratur.

Perkaitan di antara ancaman di antara praktis dan kekangan pula merangkumi amalan dan risiko. Kekangan dari sudut risiko sebenarnya boleh memberi kesan kepada praktis amalan dalam menguruskan keselamatan pilihan raya yang diadakan pada waktu sukar seperti pandemik. Malah, ia mampu memberi kesan kepada keseluruhan praktis terutamanya apabila risiko paling jelas adalah berkaitan dengan nyawa dan kesihatan semua yang terlibat termasuk pengundi.

Kesimpulannya, analisis SWOT ini jelas menunjukkan perkaitannya yang perlu dinilai kembali untuk penambahbaikan dan kelancaran pelaksanaan pilihan raya ketika waktu-waktu yang sukar dan mencabar seperti pandemik COVID-19 pada masa akan datang. Ia boleh diguna pakai dengan mengambil kira semua perkaitan kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman yang sangat berbeza dengan situasi normal pilihan raya demi memastikan pengurusan keselamatan semua pihak akan dapat dikawal dengan baik.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian dari dapatan kajian berkonsep Corporate Social Responsibility (CSR) oleh penyelidik Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di bawah Institut Keselamatan Awam Malaysia (IPSOM), Kementerian Dalam Negeri (KDN).

RUJUKAN

- de Figueiredo, A. M., Codina, A. D., Moreira, D. C., Figueiredo, M., Saez, M., & León, A. C. (2020). *in China: An Impact of lockdown on COVID-19 incidence and mortality interrupted time series study Bull World Health Organ*. E-pub: 6 April 2020.
- Fischer, J. (2002). *Electoral conflict and violence*. IFES. Washington, D.C.
- Frey, C. B., Chen, C., & Presidente, G. (2020). *Democracy , culture and contagion: Political regimes and countries responsiveness to COVID-19*. https://www.oxfordmartin.ox.ac.uk/downloads/academic/Democracy-Culture-and-Contagion_May13.pdf.
- Galasso, V. (2020). Covid: Not a great equaliser. *COVID Economics*, 1(19):241–255.
- IDEA. (2016). *International Institute for Democracy and Electoral Assistance (IDEA)*. <https://www.idea.int/>. Akses pada 7 Oktober 2021.
- Norazam, Mohd Noor. (2021). Impak penularan pandemik Coronavirus terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi tahap keselamatan pilihan raya: Satu kajian konsep. *Journal of Public Security and Safety*, 11(1), 149-162.
- Pew (2020). *About half of lower-income Americans report household job or wage loss due to COVID-19*. URL: <https://www.pewsocialtrends.org/2020/04/21/about-half-of-lower-income-americans-report-household-job-or-wage-loss-due-to-COVID-19/>. Akses pada 2 Jun 2020.

- UNOWA. (2009). Ballots not bullets (Elections and Security in West Africa): The Role of Security Institutions during Electoral Processes. *UNOWA Issue Papers*, May 2009.
- Umerez, J & Mossio, M. (2013). Constraints. In W. Dubitzky, O. Wolkenhauer, K.-H. Cho, H. Yokota (Eds). *Encyclopedia of Systems Biology*. Springer. 490-493
- USAID. (2010). *Electoral Security Framework: Technical Guidance Handbook for Democracy and Governance Officers*. United States: United States Agency for International Development.
- USAID. (2013). *Best practices in electoral security: A guide for democracy, human rights and governance programming*. Washington: USAID.